

## BAB EMPAT

### PERANAN MIC DALAM BIDANG PENDIDIKAN MASYARAKAT INDIA

#### 4.0 Pengenalan

Pendidikan merupakan aset penting dalam peningkatan hidup seseorang. Pendidikan memainkan peranan penting dalam meningkatkan mobiliti sosial di kalangan masyarakat India. Jadi masyarakat India mementingkan sekolah Tamil yang menjadi lambang kedaulatan bangsa India. Akibatnya, pada peringkat awal, penduduk India di kawasan luar bandar menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil.

Mengikut kajian yang dilakukan oleh Marimuthu,

*Sekolah-sekolah Tamil biasanya disifatkan sebagai institusi vernakular yang tidak menggalakkan berlakunya mobiliti sosio-ekonomi di kalangan masyarakat India.<sup>1</sup>*

Menyedari hakikat ini, masyarakat India yang berpendidikan di bandar dan luar bandar telah mula menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan ataupun Sekolah Rendah Kebangsaan seiring dengan perkembangan dalam bidang pendidikan. Bagi mereka peningkatan dalam kehidupan adalah lebih penting berbanding dengan bahasa Tamil ataupun sekolah Tamil. Jadi,

---

<sup>1</sup> Marimuthu, T., "Education Social Mobility and Plantation Environment : A Proposal For Inquiry", Jurnal Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Vol. 12, 1971, hlm 81-83.

sekolah Tamil telah mula kehilangan pengaruhnya ke atas masyarakat India yang semakin memodenkan diri mereka. Walau bagaimanapun, pendidikan tetapkan memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat India.

Dalam bab ini akan dinilai peranan MIC dalam bidang pendidikan. Bagi kaum India, pendidikan merupakan satu-satunya cara yang paling efektif untuk meningkatkan mobiliti sosial.

Dalam aspek ini, aspek-aspek berikut akan dibincangkan:

(i) Perkembangan Pendidikan

(a) Tahap Pertama (sehingga 1957)

- Masalah-masalah yang dihadapi

(b) Tahap Kedua (1957 – 1979)

- Masalah-masalah yang dihadapi

(c) Tahap Ketiga (1979 – 1996)

- Masalah-masalah yang dihadapi

(ii) Peranan MIC

(a) Tahap Pertama (sehingga 1957)

(b) Tahap Kedua (1957 – 1979)

(c) Tahap Ketiga (1979 – 1996)

(iii) Kesimpulan

## 4.1 Perkembangan Pendidikan

### 4.1.1 Tahap Pertama (Sehingga – 1957)

Sejak kedatangan masyarakat India secara beramai-ramai sehingga pertengahan abad ke-20, tidak ada satu sistem pendidikan yang teratur untuk sekolah-sekolah Tamil. Sukatan pelajaran yang ada pada masa itu merujuk kepada sukatan pelajaran negara India ataupun stereotaip negara India. Pada tahun 1951, masyarakat India telah menyerahkan satu memorandum mengenai pendidikan bagi masyarakat India kepada kerajaan British.<sup>2</sup>

Sebelum itu, Kerajaan British telah mengubal Undang-Undang Buruh 1912. Mengikut Akta Buruh 1912,

*“... mengarahkan ladang-ladang getah yang mempunyai 15 atau lebih kanak-kanak berumur kurang daripada 12 tahun disediakan sekolah untuk pembelajaran kanak-kanak tersebut.”<sup>3</sup>*

Ini menyebabkan lebih banyak sekolah Tamil didirikan atau diubahsuai menjadi sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang getah. Ini memberi peluang kepada ibu bapa yang prihatin mengenai kepentingan pendidikan

---

<sup>2</sup> MIC, Memorandum on Indian Education in the Federation of Malaya by the Indian Education Committee, under the auspices of the MIC, 31 August 1951. Dipetik dari Arasaratnam, S. *Indians in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1970, hlm 187.

<sup>3</sup> Encloe, Cynthia H., *Multi-Ethnic Politics: The Case of Malaysia*, Centre for South and Southeast Asia Studies, University of California, Berkeley, 1970, hlm 46; Francis Wong Hay Kee dan Tiang Hong, *Education in Malaysia*, A Heinemann Education Book (Asia), Kuala Lumpur, 1975, hlm 12.

menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil yang terletak di ladang-ladang getah itu sendiri.

Sejak awal lagi, masyarakat India menghadapi masalah kewangan, tempat tinggal, kekurangan zat makanan, kemudahan asas dan lain-lain lagi.<sup>4</sup> Apabila sekolah-sekolah Tamil mula dibuka di ladang-ladang getah, masyarakat India semakin tertekan dengan masalah ekonomi. Masyarakat India hanya sanggup menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil sahaja. Selepas kanak-kanak itu tamat darjah lima ataupun enam, kanak-kanak ini akan berhenti bersekolah. Ini adalah disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga tersebut. Akibatnya, kanak-kanak itu akan menjadi buruh di ladang itu sendiri.

Pada kebiasaananya, masyarakat India di ladang-ladang getah hidup sebagai masyarakat tertutup. Ini adalah kerana mereka dilarang keluar dari ladang tanpa izin dari Kangani, mandor ataupun Pengurus ladang. Keadaan sebegini berterusan sehingga penghujung tahun 1950. Sekolah-sekolah Tamil ini menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa penghantar.<sup>5</sup> Pada peringkat awal ini, Kerajaan hanya meminta majikan ladang-ladang getah agar menyediakan sekurang-kurangnya sebuah sekolah Tamil untuk pembelajaran anak-anak pekerja

---

<sup>4</sup> Kekurangan makanan berzat di kalangan anak-anak sekolah mempunyai kesan mendalam ke atas pelajaran mereka. Untuk maklumat lanjut mengenai Kadar Kemiskinan, rujuk "Poor Indians", Insan, Petaling Jaya, 1985, hlm 51.

<sup>5</sup> Encloc, Cynthia, *op.cit.*, hlm 46.

ladang.<sup>6</sup> Guru sekolah ini pula terdiri daripada guru yang diimport dari India, Kangani, mandor, kerani ataupun seseorang yang berpendidikan minima.<sup>7</sup>

Sistem pendidikan sekolah-sekolah Tamil ini tidak mempunyai nilai ekonomi. Pendidikan Tamil tidak menyediakan para pelajar untuk pekerjaan manual (am). Ini adalah kerana ketiadaan peluang pekerjaan lain di ladang-ladang getah. Lagipun sistem pendidikan Tamil tidak mempunyai satu sukanan pelajaran yang tetap. Matlamat utama sistem pendidikan Tamil ialah memberi pendidikan asas. Peluang pekerjaan yang sedia ada bagi yang belajar di sekolah Tamil adalah sebagai guru, buruh (pembina jalanraya), buruh keretapi., membersihkan hutan selain bekerja sebagai penoreh getah.<sup>8</sup> Pengajar-pengajar ini pula mengajar apa yang mereka tahu sahaja dan bukannya apa yang pelajar perlukan. Keadaan ini secara tidak langsung menyediakan tenaga buruh yang diperlukan oleh ladang-ladang getah tersebut.

Pada peringkat awal ini, ramai ibu bapa yang tidak tahu akan kepentingan pendidikan untuk anak-anak mereka. Ada di antara mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil kerana ada orang akan

---

<sup>6</sup> Arasaratnam, S., *Indians In Malaysia and Singapore*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm 179.

<sup>7</sup> Marimuthu, T., "The Plantation School As An Agent of Social Reproduction", dalam Sandhu, K.S. dan Mani, A. (Ed.), *Indian Communities in Southeast Asia*, Times Academic Press, Singapore, 1993, hlm 469; Arasaratnam, S., *op.cit.*, hlm 180; Loh Fook Seng, Philip, *Seeds of Separatism Educational Policy in Malaya, 1874-1940*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975, hlm 45.

<sup>8</sup> Marimuthu, T., "Education, Social Mobility and The Plantation Environment : A Proposal For Enquiry", Jurnal Pendidikan, Vol. 2, Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur, Ogos 1971, hlm 89; The Star, 30 Disember 1985.

menjaganya sementara mereka pergi bekerja.<sup>9</sup> Kebanyakan kanak-kanak ini berhenti sekolah kerana membantu ibu bapa mereka mencari sumber pendapatan dengan mengutip biji-biji getah. Ini mengakibatkan kanak-kanak ini hilang minat untuk bersekolah.<sup>10</sup>

#### 4.1.2 Tahap Kedua (1957 – 1979)

Pada tahap ini, masalah-masalah yang lebih mencabar melanda masyarakat India. Pertamanya, pembangunan negara menghempit masyarakat India yang masih berada dibelenggu kemiskinan. Mereka menghadapi kesukaran untuk membebaskan diri dari cengkaman situasi ladang getah. Sementara itu, sekolah-sekolah Tamil berada dalam keadaan yang tidak memuaskan.<sup>11</sup> Kualiti Sukatan Pelajaran pula tidak bersesuaian dengan perkembangan negara. Pelajar-pelajar yang belajar di sekolah-sekolah Tamil adalah miskin dan lemah dalam penguasaan sosio-ekonomi.<sup>12</sup>

---

<sup>9</sup> Jegathesan, M., "MIC Dan Masalah Ekonomi Masyarakat India Malaysia Dari Tahun 1957-1984", Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1985/86, hlm 74; kajian luar pengkaji pada 8.12.97 di negeri Kedah.

<sup>10</sup> Rujuk Selvakumran, R., *Indian Plantation Labour In Malaysia*, Institute of Social Analysis, Kuala Lumpur, 1994, hlm 88.

<sup>11</sup> Marimuthu, T., "Education, Social Mobility and The Plantation Environment : A Proposal For Enquiry", Jurnal Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur, Vol. 2, Ogos 1971, hlm 89; Perhimpunan Agung MIC Kali Ke-43, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 3-4, Ogos, 1996, hlm 39; Daniel, J.R., "A General Survey on Education Amongst The Malaysian Indian Plantation Community", *Malaysia in History*, Universiti Malaya, 1981, Kuala Lumpur, hlm 87-89; Marimuthu, R., "Sejarah Perkembangan Sekolah-Sekolah Tamil : Di Daerah Hilir Perak", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/95, hlm 97-98.

<sup>12</sup> Pendapat ini diutarakan oleh Singh, J.S., dalam kajian "Education and Social Equality in Peninsular Malaysia", EDC Occasional Papers, No. 3, 1982, hlm 32-55. Dipetik daripada Marimuthu, T., "The Plantation School As An Agent of Social Reproduction", *op.cit.*, hlm 469.

Pada ketika inilah kita lihat Kerajaan telah mula menyusun satu sistem pendidikan yang lebih teratur. Sistem ini kemudiannya diperaktikkan.<sup>13</sup> Sukatan pelajaran untuk semua sekolah vernakular digubal agar hasrat Kerajaan untuk melahirkan perpaduan di kalangan masyarakat dapat dicapai.

MIC yang menjadi anggota Jawatankuasa Laporan Pelajaran Razak dan Jawatankuasa Laporan Pelajaran Rahman Talib terpaksa akur dengan segala keputusan berhubung dengan kandungan sukatan pelajaran sekolah Tamil. Ini adalah kerana MIC merupakan sebuah parti politik yang tidak ada “bargain power” atau kuasa menawar. Dalam pada itu, perkara 21(2) Akta Pelajaran 1961 menetapkan bahawa:

*“Where at anytime the Minister is satisfied that a National Type Primary School may suitably be converted into a National Primary School, he may be order direct that the school shall become a National Primary School.”<sup>14</sup>*

Walaupun akta ini menjadi ancaman kepada sekolah-sekolah Tamil dari awal lagi, namun begitu MIC tidak menyuarakan sebarang usul agar akta ini dibatalkan. MIC sepatutnya mencontohi MCA untuk menyuarakan hasrat keimbangan mereka. Pada ketika itu, MIC mendiamkan diri untuk mendapat kepercayaan dan sokongan terhadap parti politik mereka. MIC tidak bergabung dengan MCA agar perkara 21(2) Akta Pelajaran 1961 ini dimansuhkan.

---

<sup>13</sup> Marimuthu, T., *ibid.*, hlm 470-471.

<sup>14</sup> Akta Pelajaran 1961, Perkara 21(2) memberi kuasa mutlak kepada Menteri Pendidikan untuk menukar sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan kepada Sekolah Kebangsaan pada bila-bila masa sahaja.

Dalam pada itu, ada beberapa buah sekolah Tamil yang ditukar menjadi Sekolah Kebangsaan. Contohnya, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) YMHA di Perak ditukar menjadi Sekolah Kebangsaan pada 1973.<sup>15</sup> Manakala, SJK(T) Convent, di Negeri Sembilan menghadapi masalah yang sama pada tahun 1982.<sup>16</sup> Bilangan sekolah-sekolah Tamil mula mengalami kemerosotan.

#### **JADUAL 4.1**

#### **BILANGAN SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL DARI TAHUN 1956 HINGGA 1996**

| Sekolah<br>Tahun | 1956 | 1960 | 1976 | 1980 | 1984 | 1988 | 1996 |
|------------------|------|------|------|------|------|------|------|
| SRJK (T)         | 938  | 811  | 606  | 583  | 563  | 549  | 530  |

Sumber: Perangkaan Tahun 1956, dipetik daripada "Federal of Malaya Annual Education Report for 1956".  
 Perangkaan Tahun 1960, dipetik daripada Federal of Malaya Report of the Education Review Committee, Kuala Lumpur, 1960, hlm 7.  
 Perangkaan Tahun 1970 – 1988, dipetik daripada "SMC Inaugural Lecture", Figures to Figure, Petaling Jaya, 1989.  
 Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996

Menurut statik Kementerian Pendidikan 1996, sekolah-sekolah Tamil telah mengalami kemerosotan yang ketara. Buktinya, pada tahun 1956 terdapat 938 buah sekolah tetapi pada tahun 1996 hanya terdapat 530 buah

<sup>15</sup> STAR, 27 Februari, 1990.

<sup>16</sup> New Straits Times, 24 April 1982. Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan telah mengagih-agih para pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Convent (Tamil) ke sekolah-sekolah Tamil di Lobak dan Java Lane, walaupun sekolah ini pada masa itu mempunyai lebih 400 orang pelajar; Malay Mail, 24 April 1991. Sekolah Rendah Tamil yang memperoleh keputusan peperiksaan UPSR yang terbaik di Negeri Sembilan.

sahaja.<sup>17</sup> Diandaikan bahawa sekolah-sekolah Tamil ini akan terus merosot ke 300 buah. Mengikut laporan kajian yang dibuat oleh akhbar New Straits Times, *hampir 40% sekolah Tamil telahpun pupus di Malaysia.*<sup>18</sup> Hampir 57% sekolah Tamil telahpun pupus di Malaysia. Mengikut Marimuthu, kajian yang dilakukan oleh Ungku Aziz pada 1962 mendapati 44% daripada sekolah-sekolah telah ditutup disebabkan berlakunya sub-division ladang di 52 buah ladang.<sup>19</sup> Selain itu, Kerajaan juga telah menutup sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan pelajar yang sedikit. Contohnya, SJK(T) Ladang Bukit Genting, Pendang di Negeri Kedah ditutup kerana mempunyai 16 pelajar sahaja.<sup>20</sup>

#### (a) Keadaan Fizikal Sekolah-Sekolah Tamil

Keadaan fizikal sekolah-sekolah Tamil pula berada dalam keadaan yang menyediakan.<sup>21</sup> Pada peringkat awal, bekas rumah asap turut diguna sebagai sekolah Tamil ataupun sebagai bilik darjah.<sup>22</sup> Keadaan yang sama (1997) masih

<sup>17</sup> Perangkaan Tahun 1956; Perangkaan Tahun 1960, hlm 7; Perangkaan 1970 – 1988: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997.

<sup>18</sup> New Straits Times, 24 April 1982.

<sup>19</sup> Terdapat beberapa sebab jumlah sekolah-sekolah Tamil terus merosot. Antaranya, perpecahan ladang, penjualan ladang kepada pemaju perumahan, projek pembangunan, penghijrahan keluar masyarakat India dari kawasan perladangan, kekurangan pelajar dan sebagainya. Untuk maklumat lanjut, rujuk Marimuthu, T., *op.cit.*, hlm 91; Arasaratnam, S., *op.cit.*, hlm 191.

<sup>20</sup> Kajian luar pengkaji di Negeri Kedah pada 10.12.1997.

<sup>21</sup> Untuk mengetahui keadaan sekolah-sekolah Tamil pada peringkat awal, rujuk, Marimuthu, T., *op.cit.*, hlm 471-474; Arasaratnam, S., *op.cit.*, hlm 179; Rutter, M., Maughan, B., Mortimore, P., Ouston, J., and Smith, A., *Fifteen Thousand Hours*, Harvard University Press, Cambridge, Mass. 1979; Vijandran, D.P., "The NEP and Malaysian Indians : An Overview", Second Malaysian Indian Economic Seminar", Regent Hotel, Kuala Lumpur, 13 July, 1980, hlm 7.

<sup>22</sup> Untuk maklumat lanjut, rujuk Fuller, B., "What School Factors Raise Achievement in the Third World". Review of Educational Research 57, No. 3, 1987, hlm 255-292.

boleh dilihat di SJK(T) Ladang Bukit Jalil, Selangor.<sup>23</sup> Sekolah ini mengubahsuai rumah asap menjadi bilik darjah kerana kekurangan bilik darjah. Sekolah-sekolah Tamil di kawasan luar bandar menghadapi situasi yang lebih teruk lagi.

Kerajaan memberi alasan bahawa sekolah-sekolah di ladang-ladang getah adalah milik perseorangan. Ini adalah kerana sekolah-sekolah ini dibina oleh majikan ladang. Lagipun, kawasan perladangan tidak dikategorikan di bawah kawasan luar bandar. Jadi, majikan ladang mempunyai kuasa mutlak mendirikan sekolah. Biasanya sebuah rumah ataupun rumah asap akan diubahsuai untuk dijadikan sekolah. Oleh yang demikian, terdapat dua pihak yang telah mengabaikan sekolah Tamil. Pertamanya, majikan ladang itu sendiri. Keduanya, pihak Kerajaan yang gagal mengkategorikan kawasan perladangan sebagai kawasan luar bandar. Tindakan kedua-dua pihak ini telah menyebabkan sekolah-sekolah Tamil berada dalam keadaan yang menyedihkan. Jadi, Kerajaan memberi alasan adalah tidak wajar membaikpulih bangunan sekolah yang terletak di tanah persendirian ataupun swasta.<sup>24</sup> Tetapi, Kerajaan hanya sanggup menyediakan bantuan modal agar sekolah-sekolah ini dapat terus berfungsi.

Masyarakat India yang biasa dengan kelemahan-kelemahan ini meneruskan pembelajaran anak-anak mereka di sekolah-sekolah yang sebegini. Mereka hanya mahu anak-anak mereka belajar agar tidak buta huruf. Pada

---

<sup>23</sup> Kajian luar yang dijalankan oleh pengkaji pada 2.12.1997; Marimuthu, T., *op.cit.*, hlm 469; Ucapan Dasar Presiden MIC, Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-33, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 20-21 Julai, 1985.

<sup>24</sup> New Straits Times, 5 Januari 1989.

kebiasaannya, masyarakat India hanya memerlukan pendidikan Tamil agar bahasa dan kebudayaan masyarakat India akan terus dipertahankan.

**(b) Keciciran**

Keadaan fizikal sekolah Tamil yang tidak memuaskan telah menjadi penghalang pembelajaran kanak-kanak ini. Situasi pembelajaran yang berkesan tidak dapat dilahirkan. Akibatnya, ramai pelajar India cicir dari alam persekolahan sebelum melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah. (Lihat Jadual 4.2).

**JADUAL 4.2**  
**KADAR KECICIRAN DARI DARJAH 1 KE DARJAH 6 DI SEKOLAH-**  
**SEKOLAH RENDAH PENGHANTAR BAHASA TAMIL 1973 - 1983**  
**SEMENANJUNG MALAYSIA**

| DARJAH 1     |                          | DARJAH 6     |                                       | KECICIRAN                             |                             |
|--------------|--------------------------|--------------|---------------------------------------|---------------------------------------|-----------------------------|
| Tahun<br>(1) | Bilangan<br>Murid<br>(2) | Tahun<br>(3) | Bilangan<br>Murid<br>(4) – (2)<br>(4) | Bilangan<br>Murid<br>(4) – (2)<br>(5) | %<br>(5) ÷ (3) × 100<br>(6) |
| 1968         | 16,361                   | 1973         | 10,576                                | 5,785                                 | 35.36                       |
| 1969         | 15,460                   | 1974         | 10,870                                | 4,590                                 | 29.69                       |
| 1970         | 15,097                   | 1975         | 11,612                                | 3,485                                 | 23.08                       |
| 1971         | 14,049                   | 1976         | 12,485                                | 1,564                                 | 11.13                       |
| 1972         | 14,631                   | 1977         | 12,437                                | 2,194                                 | 15.00                       |
| 1973         | 13,874                   | 1978         | 12,152                                | 1,722                                 | 12.41                       |
| 1974         | 14,098                   | 1979         | 12,650                                | 1,488                                 | 10.27                       |
| 1975         | 13,853                   | 1980         | 11,935                                | 1,918                                 | 13.85                       |
| 1976         | 13,245                   | 1981         | 11,569                                | 1,676                                 | 12.65                       |
| 1977         | 13,194                   | 1982         | 11,433                                | 1,761                                 | 13.35                       |
| 1978         | 12,865                   | 1983         | 11,297                                | 1,568                                 | 12.19                       |

**Sumber:** Kementerian Pelajaran Malaysia, *Keciciran*, “Perangkaan Mengenai Kadar Keciciran, Di Peringkat Sekolah Rendah Di Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 1973-1983”, Kuala Lumpur : Unit Data, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kuala Lumpur, 1984, hlm 5.

Menurut statistik keciciran yang diberi oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1985, keciciran di sekolah-sekolah Tamil pada masa sekarang adalah minima berbanding dengan pada tahun 1973. Buktinya, kadar keciciran pada tahun 1983 ialah *12.19% berbanding dengan 35.36% pada tahun 1973*.<sup>25</sup> Kanak-kanak ini cicir dari alam persekolahan kerana ibu bapa mereka tidak mampu menanggung kos pembelajaran anak-anak mereka..<sup>26</sup>

Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan oleh Rantindak MIC mendapati lebih ramai pelajar cicir di Tingkatan Tiga kerana gagal dalam peperiksaan LCE ataupun SRP. Kegagalan penguasaan Bahasa Melayu menjadi punca utama pelajar-pelajar India dari sekolah Tamil gagal ke Tingkatan empat. Mengikut Rantindak MIC, "... 60 peratus daripada murid-murid India cicir di peringkat Sekolah Menengah Rendah."<sup>27</sup> Keciciran ini secara tidak langsung menyediakan tenaga buruh yang kurang berpendidikan mengisi kekosongan tenaga kerja di ladang-ladang getah dan kelapa sawit.

---

<sup>25</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, *Keciciran*, "Perangkaan Mengenai Kadar Keciciran, Di Peringkat Sekolah Rendah Di Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 1973-1983". Unit Data, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kuala Lumpur, 1984, hlm 5.

<sup>26</sup> Mengikut Marimuthu terdapat beberapa sebab mengapa para pelajar cicir dari alam persekolahan. Ini adalah kerana status sosio-ekonomi yang rendah, pegangan dan amalan adat dan kebudayaan di rumah, kualiti sekolah Tamil itu sendiri, kurangnya motivasi, kurang mempunyai aspirasi, sikap rendah diri, tiada orang yang sanggup membantu, dan pelajar yang mempunyai pencapaian yang rendah. Rujuk, Marimuthu, t., *op.cit.*, hlm 474; Arasaratnam, S., *op.cit.*, hlm 185.

<sup>27</sup> Dasar Ekonomi Baru dan Malaysian Indian : Rantindak MIC, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1985, hlm 34.

Keduanya, kedudukan Sekolah Menengah yang jauh dari kawasan perladangan pula menyukarkan masyarakat India untuk meneruskan pengajian.<sup>28</sup> Ini adalah kerana tiada perkhidmatan pengangkutan ke Sekolah Menengah. Ketiganya, kos perbelanjaan yang tinggi untuk meneruskan pengajian di Sekolah Menengah. Akibatnya, kanak-kanak ini sanggup berhenti ataupun diberhentikan dari bersekolah untuk membantu menambah pendapatan keluarga.<sup>29</sup>

Pada kebiasaan pelajar perempuan diberhentikan lebih awal agar mereka dapat membantu ibu mengemas dan memasak. Di samping itu, masyarakat India menganggap kanak-kanak perempuan patut belajar mentadbir dan mengemas rumah berbanding belajar di sekolah.<sup>30</sup>

#### 4.1.3 Tahap Ketiga (1979 – 1996)

Tempat tinggal masyarakat India yang jauh dari bandar telah banyak mempengaruhi keciciran kanak-kanak India dari alam persekolahan. Penduduk India yang tinggal di kawasan setinggan di bandar juga tidak dapat membayai pengajian anak-anak mereka. Ini adalah masalah sosio-ekonomi yang

---

<sup>28</sup> Jegathesan, M., *op.cit.*, hlm 73.

<sup>29</sup> Straits Times dated 9<sup>th</sup> Jun 1971 dalam Marimuthu, T., *op.cit.*, hlm 89-91; Rajoo, R., "Poverty in The Indian Community", Second Malaysian Indian Economic Seminar, Regent Hotel, 13 Julai. Kuala Lumpur, 1980, hlm 8; Arasaratnam, S., *op.cit.*, hlm 185.

<sup>30</sup> Kanak-kanak perempuan diberhentikan dari sekolah atas sebab-sebab kebudayaan. Untuk maklumat lanjut rujuk Daniel, J.R., "A Survey on Education Amongst The Malaysian Indian Plantation Community", *Malaysia In History*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Vol 24, 1981, hlm 88; Marimuthu, T., *op.cit.*, hlm 474; Arasaratnam, S., *op.cit.*, hlm 185.

dihadapi oleh mereka.<sup>31</sup> Oleh itu, sehingga penghujung tahun 1970, mobiliti sosial di kalangan masyarakat India berlaku dengan agak perlahan. Ini adalah disebabkan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India di tahap kedua tadi.

Pada tahap ini pula masyarakat India mula sedar akan kepentingan pendidikan. Mereka mula menghantar anak-anak mereka belajar ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Ramai di antara mereka yang berjaya menjelaskan kaki di Universiti. Pada peringkat awal, masyarakat India yang tinggal di kawasan bandar sahaja yang mula mengalami perubahan ini. Ini adalah disebabkan oleh pembangunan yang dialami mengubah corak pemikiran mereka.

Masyarakat India yang tinggal di kawasan perladangan masih tidak banyak menunjukkan minat terhadap pendidikan anak-anak mereka. Ini mengakibatkan keciciran berterusan di kalangan mereka. (Lihat Jadual 4.3) Walau bagaimanapun, kesedaran terhadap kepentingan pendidikan telah mula wujud di kalangan masyarakat India. Yang menjadi persoalan ialah ketidakseriusan dalam pembelajaran anak-anak mereka sahaja.

---

<sup>31</sup> Mengikut kajian yang dilakukan di kampung Kasturi, Kuala Lumpur oleh Rajoo, R., beliau mendapati kebanyakkan penduduk yang tinggal di kawasan setinggan ini tidak mempunyai sebarang kemahiran ataupun mempunyai sedikit (semi) kemahiran dan bekerja sebagai buruh kontrak dan pekerja kilang. Rujuk Rajoo, R., "Caste, Ethnicity, Class and National Unity : The Dilemma of The Indians in Malaysia", Modernisasi dan Keperibadian Budaya-Bangsa, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, 11 Januari 1983, hlm 3-4; Rajoo, R., "Poverty in The Indian Community", *op.cit.*, hlm 8; Rajoo, R., "Indian Squatter Settlers : Indian Rural-Urban Migration in West Malaysia", dalam Sandhu, K.S., dan Mani, A. (Ed.), *Indian Communities in Southeast Asia*, *op.cit.*, hlm 498-499.

**JADUAL 4.3**

**KADAR KECICIRAN MURID DARJAH 6 DARI  
PENGHANTAR BAHASA TAMIL KE TINGKATAN PERALIHAN**

| <b>Tahun</b> | <b>Bilangan Murid Darjah 6 (2)</b> | <b>Bilangan Murid Tingkatan Peralihan (3)</b> | <b>Kadar Peralihan (3)÷(2) Tahun Sebelumnya x 100 (4)</b> | <b>% Keciciran 100%-(4)</b> |
|--------------|------------------------------------|---|---|-----------------------------|
| 1973         | 10,576                             | -   | -   | -                           |
| 1974         | 10,870                             | 7,744   | 73.22   | 26.78                       |
| 1975         | 11,612                             | 8,180   | 75.25   | 24.75                       |
| 1976         | 12,485                             | 9,123   | 78.57   | 21.43                       |
| 1977         | 12,437                             | 10,382  | 83.16   | 16.84                       |
| 1978         | 12,152                             | 10,008  | 80.47   | 19.53                       |
| 1979         | 12,650                             | 9,637   | 79.30   | 20.70                       |
| 1980         | 11,935                             | 10,320  | 81.58   | 18.42                       |
| 1981         | 11,569                             | 9,977   | 83.59   | 16.41                       |
| 1982         | 11,433                             | 10,340  | 89.38   | 10.62                       |
| 1983         | 11,297                             | 10,339  | 90.43   | 9.57                        |

**Catatan:** Bilangan Tingkatan Peralihan untuk tahun 1974 adalah terdiri dari 2 aliran Penghantar (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris)

**Sumber:** Kementerian Pelajaran Malaysia, *Keciciran*, "Perangkaan Mengenai Kadar Keciciran Di Peringkat Sekolah Rendah Di Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 1973-1983", Unit Data, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kuala Lumpur, 1984, hlm 9.

Mengikut statistik Kementerian Pendidikan 1984, *kadar keciciran telah mengalami kemerosotan dari 26.78% pada tahun 1974 kepada 9.57% pada tahun 1983 bagi pelajar-pelajar sekolah Tamil yang memasuki Tingkatan Peralihan.*<sup>32</sup>

Didapati ramai kanak-kanak mahu bersekolah mulai tahun 1982 dan seterusnya. Ini adalah disebabkan ibu bapa mampu membayai perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka. Selain itu, keinginan ibu bapa untuk mengubah nasib dan masa depan anak-anak mereka juga menjadi alasan peningkatan pelajar-pelajar ini ke Tingkatan Peralihan dan seterusnya.

Pada tahap ini, banyak masalah lain yang berkaitan dengan pendidikan melanda masyarakat India. Banyak kawasan perladangan telah mula dibangunkan. Ini mengakibatkan para pelajar kehilangan tempat pembelajaran mereka. Masyarakat India dari kawasan perladangan ini pada kebiasaannya berhijrah ke kawasan bandar. Ini menyebabkan pendidikan anak-anak mereka menghadapi masalah.

---

<sup>32</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, *Keciciran*, "Perangkaan Mengenai Kadar Keciciran Di Peringkat Sekolah Rendah Di Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 1973-1983", Unit Data, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kuala Lumpur, 1984, hlm 9.

Sementara itu, ramai di antara mereka ini tidak mampu membeli rumah kerana tidak mempunyai simpanan di bank.<sup>33</sup> Ini mengakibatkan mereka menempatkan diri di kawasan setinggan yang hanya memberi peluang untuk hidup sahaja. Pembangunan yang pesat di kawasan perladangan menyebabkan masyarakat India menempatkan diri mereka di kawasan setinggan. Fizikal rumah-rumah setinggan ini adalah tidak begitu baik. Biasanya diperbuat daripada kayu dan beratapkan zink. Kedudukan rumah-rumahnya pula adalah terlalu rapat, sesak dan tidak teratur. Saiz rumahnya pula terlalu kecil untuk ahli keluarga yang besar. Biasanya terdapat satu atau dua bilik tidur, ruang tamu dan ruang dapur yang kecil. Kawasan-kawasan setinggan ini mempunyai kemudahan asas yang diperlukan seperti kemudahan bekalan air, elektrik dan tandas. Manakala, sistem pembuangan sampah pula tidak teratur.<sup>34</sup> Keadaan sebegini telah mula menjadi penghalang pembelajaran anak-anak mereka.

---

<sup>33</sup> Untuk mengetahui keadaan sosio-ekonomi masyarakat India di kawasan setinggan, rujuk, Mahalatchumy Arunachalam, "Masalah Setinggan Kaum India Di Klang : Satu kajian kes di Batu Lima Kampung Jawa Klang, Selangor", Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera dan Sains Social, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/96, hlm 49-50; Kamala Devi, S., "Aspek Sosio-Ekonomi, Setinggan : Kes Kajian Kampung Muhibbah, Sungai Renggam, Shah Alam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1992; Magesprant Sinivasan, "Kampung Muniandy : A Socio-Economic and Demographic", Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1992; Kuljiader Kaur, "The Squatters Problem In Kuala Lumpur : A Case Study of The Kampung Khatijah Squatters Settlement", Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994.

<sup>34</sup> Untuk maklumat lanjut, rujuk, Rajoo, R., "Politics, Ethnicity and Strategies of Adaptation in An Urban Indian Squatter Settlement in Peninsular Malaysia", Disertasi Doktor Falsafah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985, hlm 74-81. Dalam kajiannya di kawasan setinggan kampung Kasturi, Kuala Lumpur, beliau mendapati masyarakat India yang tinggal di kawasan itu atas dua sebab. Pertamanya, penghijraran dari kawasan perladangan getah, kelapa sawit dan kelapa untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik, dan masa depan yang lebih cerah untuk anak-anak mereka. Keduanya, mereka yang bersara dari perkhidmatan Kerajaan; Mahalatchumy Arunachalam, *op.cit.*, hlm 66-70. Beliau mendapati kawasan setinggan di Batu Lima Kampung Jawa, Klang lebih tersusun. Terdapat juga kemudahan asas seperti bekalan air dan letrik; Kamala Devi Subramaniam, "Masalah Setinggan : Satu Kajian Kes Di Kg. Muhibbah, Sg. Renggam, Shah Alam", Latihan Ilmiah, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1991/92, hlm 12-15, mendapati masyarakat India menempatkan diri di kawasan setinggan atas dua sebab. Pertamanya, masalah kewangan dan keduanya, kedudukan mereka yang tidak terjamin.

Dalam pada itu, penghijrahan dari kawasan perladangan ke kawasan bandar akibat pembangunan telah mengurangkan jumlah sekolah-sekolah Tamil. Ada di antara sekolah-sekolah Tamil ini ditutup kerana kekurangan pelajar-pelajar. Contohnya, SJK(T) Ladang Bukit Genting, di Kedah diarah tutup pada 1990 kerana kekurangan pelajar. Kanak-kanak ini diminta ke sekolah SJK(T) Ladang Bukit Jenun yang terletak 4 kilometer dari ladang tadi. Oleh kerana ketiadaan kemudahan pengangkutan, cuma 5 pelajar sahaja yang meneruskan persekolahan mereka.<sup>35</sup>

#### (a) Keputusan Peperiksaan

Dalam pada itu, *keputusan peperiksaan UPSR tidak menunjukkan peningkatan.*<sup>36</sup> Prestasi rendah oleh sekolah-sekolah Tamil memberi gambaran negatif terhadap sekolah-sekolah ini. Penguasaan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah Tamil sungguh menyedihkan. (Lihat Jadual 4.4)

---

<sup>35</sup> Kajian luar yang dilakukan oleh pengkaji di Negeri Kedah pada 11.12.97.

<sup>36</sup> Kolokium Kebangsaan Kedua Untuk Guru-Guru Besar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 5-7 April, 1996; Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997.

**JADUAL 4.4**

**KEPUTUSAN BAHASA MELAYU UPSR**  
**(A + B + C) %**  
**1988 – 1996**

| Tahun<br>Kertas | 1988 | 1989 | 1990 | 1991 | 1992 | 1993 | 1994 | 1995 | 1996 |
|-----------------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| Kefahaman       | 54.0 | 54.1 | 48.0 | 40.0 | 34.0 | 36.0 | 44.8 | 41.4 | 47.0 |
| Karangan        | 22.6 | 22.8 | 22.4 | 18.4 | 17.1 | 22.8 | 26.0 | 20.0 | 24.3 |

**Sumber:** S. Balachandran, “Cabaran dan Pencapaian”, Kolokium Kebangsaan Kedua Untuk Guru-Guru Besar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 5-7 April, 1996, hlm 4. Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997.

Berdasarkan statistik yang diberi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1997, purata kelulusan bahasa Melayu bagi sekolah-sekolah Tamil bagi tempoh 9 tahun (1988 – 1996) ialah 21.8% sahaja. Keputusan yang paling teruk sekali ialah pada tahun 1991 dan 1992. Jadi, berdasarkan jadual ini, boleh dibuat penilaian bahawa keputusan UPSR di sekolah-sekolah Tamil tidaklah memenuhi hasrat Kerajaan dalam usaha melahirkan masyarakat berilmu. Pencapaian sekolah Tamil dalam peperiksaan ini perlu diperbaiki.

Masalah kekurangan guru yang menjadi isu sejak awal sehingga sekarang nampaknya tidak dapat diselesaikan lagi. *Keputusan UPSR yang rendah ini seringkali dikaitkan dengan masalah guru-guru sandaran.<sup>37</sup>* Jadi, masalah ini

---

<sup>37</sup> Kolokium Kebangsaan Kedua untuk Guru-Guru Besar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 5-7 April, 1996.

sepautnya dipandang serius sekiranya masyarakat India ingin berubah wajah menjadi masyarakat berpendidikan.

#### JADUAL 4.5

#### KEPUTUSAN PEPERIKSAAN UPSR DAN SPM BAGI PELAJAR-PELAJAR INDIA SAHAJA<sup>38</sup>

| PEPERIKSAAN<br>TAHUN | UPSR | SPM  |
|----------------------|------|------|
| 1994                 | 20.8 | 53.0 |
| 1995                 | 18.4 | 48.3 |
| 1996                 | 21.5 | 56.8 |

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997.

Menurut statistik yang diberi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, keputusan SPM masih berada pada tahap sederhana iaitu dalam purata lingkungan 52.7% bagi tahun 1994 – 1996. Ini adalah kerana pelajar-pelajar India kurang bersedia untuk menghadapi peperiksaan tersebut. Persediaan yang kurang baik sejak awal lagi menyebabkan keputusan peperiksaan pelajar-pelajar India tidak memberangsangkan. Oleh yang demikian, pendidikan pra sekolah adalah penting sebagai asas permulaan kemahiran belajar bagi pelajar-pelajar India.

<sup>38</sup> Tamil Nesan, 24 Julai 1997, hlm 4.

#### JADUAL 4.6

#### **JUMLAH GURU DAN PELAJAR DI SEKOLAH TAMIL DARI TAHUN 1976 - 1994<sup>39</sup>**

| Tahun                            | 1976   | 1980   | 1984   | 1988   | 1992    | 1994     | 1995    | 1996    | 1997   |
|----------------------------------|--------|--------|--------|--------|---------|----------|---------|---------|--------|
| Guru                             | 3,587  | 3,560  | 4,123  | 5,106  | 6,302   | 6,107    |         |         |        |
|                                  |        |        |        |        |         | *5,009   | 5,257   | 5,523   | 5,621  |
| Murid                            | 80,103 | 83,958 | 72,265 | 88,990 | 105,825 | 111,000  |         |         |        |
|                                  |        |        |        |        |         | *105,234 | 102,533 | 100,900 | 96,668 |
| Anggaran murid untuk setiap guru | 22     | 24     | 18     | 17     | 17      | 20       | 20      | 18      | 17     |

**Sumber:** Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur 1997.

\*Guru Terlatih

\*Murid

Berdasarkan statistik yang diberi, kemasukan kanak-kanak India ke sekolah-sekolah Tamil mengalami peningkatan konsisten kecuali pada tahun 1984 yang mengalami sedikit penurunan berbanding dengan tahun sebelumnya (1980). Dianggarkan 65% kanak-kanak masyarakat India masih belajar di sekolah-sekolah Tamil. Begitu juga *dengan guru-guru terlatih bagi sekolah-sekolah Tamil juga telah mengalami peningkatan dari 3,587 orang pada tahun 1976 kepada 6,107 bagi tahun 1994*. Peningkatan ini menunjukkan minat masyarakat India terhadap bahasa Tamil.

Kekurangan pusat tadika di sekolah-sekolah Tamil tidak menyediakan diri kanak-kanak India ini sebelum melangkah ke alam persekolahan. Mengikut Gokul Naidu:

---

<sup>39</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1997.

*“Lebih banyak guru-guru tadika harus dilatih di kawasan luar bandar agar peluang pembelajaran untuk anak-anak golongan India dapat dimulakan lebih awal.”<sup>40</sup>*

Ibu bapa harus sedar akan kepentingan pendidikan untuk anak-anak mereka. Guru-guru sekolah Tamil dan ibu bapa harus menjadi perangsang kepada pelajar-pelajar India agar mereka akan menceburi bidang perniagaan dan berdikari dalam usaha menguasai bidang ekonomi. Kesedaran sebegini senantiasa wujud pada masyarakat India yang tinggal di bandar-bandar besar dan kawasan yang mengalami pembangunan yang pesat sahaja. Keputusan peperiksaan UPSR yang diberikan oleh MIC bercanggah dengan Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia.

Secara kesimpulannya boleh dikatakan bahawa masyarakat India dan sekolah-sekolah Tamil menghadapi banyak masalah. Di sini tumpuan hanya diberikan kepada sekolah Tamil kerana ia menjadi tumpuan utama masyarakat India.<sup>41</sup> Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil ini ialah keadaan fizikal sekolah-sekolah Tamil, masalah kekurangan bilik darjah, masalah kekurangan guru terlatih, kekurangan motivasi untuk ibu bapa, guru dan pelajar, kemiskinan, kedudukan sekolah menengah yang jauh dari kawasan perladangan, kekurangan peluang pekerjaan, keputusan peperiksaan yang rendah, kadar kecinciran yang tinggi dan kedudukan sekolah Tamil di tanah persendirian.

---

<sup>40</sup> Temubual dengan Encik Gokul A. Naidu, Bekas Pengurus, EWRF pada 8 Mei 1997.

<sup>41</sup> Tumpuan hanya diberi terhadap sekolah-sekolah Tamil kerana hampir 75% sekolah-sekolah Tamil masih terletak di kawasan perladangan. Lagipun, hampir 50% masyarakat India menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil.

Sekolah-sekolah yang mendapat bantuan modal sepenuhnya tidak banyak menghadapi masalah-masalah seperti yang dihadapi oleh sekolah Tamil yang terletak di tanah persendirian. Namun begitu, kadar keciciran, kemiskinan, kekurangan motivasi dan keputusan peperiksaan yang rendah masih mempengaruhi sekolah-sekolah Tamil yang menerima bantuan modal penuh. Walau bagaimanapun, masalah fizikal sekolah-sekolah Tamil diberi perhatian oleh kerajaan dari masa ke semasa. Begitu juga dengan masalah kekurangan guru terlatih.

## 4.2 Peranan MIC

### 4.2.1 Tahap Pertama (Sehingga 1957)

Pada tahap awal ini, MIC tidak memainkan peranan untuk memajukan pendidikan sekolah Tamil. Ini adalah kerana MIC terlalu sibuk dengan pembentukannya dan cuba mendapatkan kepercayaan masyarakat India terhadapnya.<sup>42</sup> Ini adalah kerana MIC hanya dianggotai oleh penduduk bandar yang berpendidikan. Mereka ini cuba wujudkan kesedaran terhadap parti MIC. Jadi, lebih banyak masa dan tenaga diluangkan untuk menguatkan parti MIC. Tiada tumpuan khas diberikan kepada sekolah-sekolah Tamil. Pendidikan Tamil di sekolah-sekolah Tamil berjalan dengan sendirinya. Sukatan Pelajaran yang stereotaip negara India tidak banyak menggerakkan pemikiran masyarakat India ke arah pembangunan.

---

<sup>42</sup> MIC mengambil masa selama 10 tahun untuk menjadi sebuah parti politik yang kukuh. Rujuk, Golden Jubilee 50 Tahun MIC, Kuala Lumpur : MIC Pusat, 5 Oktober 1996, hlm 22-24.

Parti MIC juga turut **dijemput** menjadi ahli Jawatankuasa Laporan Pelajaran Razak dan Jawatankuasa Laporan Rahman Talib.<sup>43</sup> MIC tidak meluahkan sebarang ide berasas yang dapat meningkatkan taraf pendidikan Tamil yang boleh menggerakkan mobiliti sosial di kalangan masyarakat India.

Walau bagaimanapun, satu Sukatan Pelajaran yang standard untuk semua sekolah Tamil dapat dilahirkan. MIC secara tidak langsung terlibat dalam kejayaan ini. Pada peringkat ini juga MIC tidak melakukan sebarang aktiviti untuk memindahkan sekolah-sekolah Tamil dari kawasan perladangan ke kawasan perbandaran. MIC tidak dapat menyerap masuk ke kawasan perladangan. Ini adalah kerana larangan yang dikenakan oleh pihak majikan ladang berhubung dengan hubungan luar.

Sementara itu, anggota-anggota MIC yang kebanyakannya terdiri daripada golongan terpelajar yang berpendidikan Inggeris itu merupakan salah satu sebab mengapa MIC pada tahap ini tidak banyak memperjuangkan pendidikan Tamil dan kepentingan sekolah-sekolah Tamil.

#### 4.2.2 Tahap Kedua (1957 – 1979)

Pada tahap ini, MIC tidak banyak memainkan peranan penting pada awalnya, tetapi mula memainkan peranan penting penghujung tahap kedua. Ini adalah disebabkan oleh kepimpinan MIC itu sendiri. Walaupun E.E.C.

---

<sup>43</sup> Subramani, S., "Sejarah Pendidikan Tamil Di Malaysia", dalam Kolokium Kebangsaan Yang Ke-2 Untuk Guru-Guru Besar Sekolah Tamil, Universiti Malaya : MIC Pusat, Kuala Lumpur, 5-7 April 1996, hlm 6-7; Arasaratnam, S., *op.cit.*, hlm 189-190.

Turaisinggam pernah dilantik sebagai Menteri Pendidikan, namun beliau tidak memainkan peranan yang aktif terhadap kemajuan pendidikan Tamil dan pembangunan sekolah-sekolah Tamil. Ini adalah kerana beliau adalah keturunan Ceylon.

Ini mengakibatkan MIC gagal mempengaruhi masyarakat India dari segi aktivitinya.<sup>44</sup> Namun begitu, hampir kesemua orang yang tinggal di luar bandar masih menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil. Ada di antara mereka yang tinggal di bandar-bandar besar juga turut menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil.<sup>45</sup>

Sementara itu, kebanyakan golongan berpendidikan menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris. Terdapat beberapa sebab mengapa golongan pertengahan dan golongan atasan masyarakat India menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil. Antaranya,

- (i) Pelajar-pelajar dari sekolah Tamil menghadapi masalah penguasaan Bahasa Melayu apabila ke sekolah menengah.

Ini mengakibat pelajar-pelajar ini mendapat markah yang rendah dalam setiap peperiksaan.<sup>46</sup>

---

<sup>44</sup> Arasaratnam, S., *op.cit.*, hlm 114.

<sup>45</sup> Temubual dengan En. Ambigapathy, Guru Besar SRJK(T) Vivekananda, Brickfields, Kuala Lumpur pada 3.12.1997.

<sup>46</sup> Colleta, N.J., "Malaysians Forgotten People : Education, Cultural Identity and Socio-Economic Mobility Among South Indian Plantation Workers", *Contribution To Asian Studies*, Vol. 7, 1975, hlm 103.

- (ii) Sistem pendidikan di sekolah-sekolah Tamil telah ketinggalan jauh daripada arus perkembangan sistem pendidikan negara. Ini menyebabkan sekolah-sekolah Tamil menyediakan golongan buruh pada masa hadapan.<sup>47</sup>
- (iii) Sistem Pendidikan Tamil adalah bagaikan mayat dan tidak berguna.<sup>48</sup>
- (iv) Sekolah-sekolah Tamil yang terletak di ladang-ladang adalah Cinderella kepada sistem pendidikan Malaysia.<sup>49</sup>
- (v) Peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti terbuka luas.<sup>50</sup>
- (vi) Sekolah Tamil terletak di antara masyarakat yang tidak mempunyai banyak peluang meningkatkan sosio-ekonomi dan mobiliti sosial.<sup>51</sup>

---

<sup>47</sup> Subramaniam, P., "Pioneers : Education Sons of Workers Must Revolutionize Plantation Education", Malaysian Sociological Research Institute, Singapore, Intisari 3(4), 1970, hlm 74; Arasaratnam, S., *op.cit.*, hlm 180; Marimuthu, T., "The Plantation School As An Agent of Social Reproduction", *op.cit.*, hlm 469.

<sup>48</sup> Arasaratnam, S., *op.cit.*, hlm 181.

<sup>49</sup> Marimuthu, T., "The Plantation School As An Agent of Social Reproduction", *op.cit.*, hlm 478; Arasaratnam, S., *op.cit.*, hlm 181.

<sup>50</sup> Marimuthu, T., "The Plantation School As An Agent of Social Reproduction", *op.cit.*, hlm 469.

<sup>51</sup> \_\_\_\_\_, hlm 469-470; Marimuthu, T., "Schooling As a Dead End : Education For The Poor Especially The Estates Children"" dalam Syed Ali, *Ethnicity, Class and Development in Malaysia*, Persatuan Sains Sozial Malaysia, Kuala Lumpur, 1984, hlm 265.

Mereka ini menganggap sekolah-sekolah Tamil hanya untuk golongan miskin dan kurang berpendapatan sahaja. MIC juga tidak menggalakkan ahli-ahlinya yang berpendidikan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil. Sekiranya situasi ini telah diubah, sudah tentu sekolah-sekolah Tamil boleh melahirkan pelajar-pelajar cemerlang. Tetapi, sejak awal lagi MIC telah gagal mempengaruhi golongan pertengahan dan golongan berada untuk menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil.

Sementara itu, MIC telah memulakan Tabung Pelajaran MIC yang pertama pada tahun 1972. Tabung Pelajaran ini kemudiannya dikenali sebagai Tabung Biasiswa Tan Sri Manickavasagam. Tujuannya adalah untuk membantu penuntut-penuntut India di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini. Ini merupakan permulaan baru bagi MIC membantu masyarakat India melibatkan diri dengan lebih giat lagi dalam bidang pendidikan.

Bantuan kewangan diberikan ini bertujuan untuk mengurangkan kadar keciciran di kalangan masyarakat India.

*"Pemberian biasiswa ini adalah untuk pelajar-pelajar Sekolah Menengah dari Tingkatan Tiga hingga Enam dan Institut-Institut Vokesyenal dan Pengajian Tinggi atas nasihat cawangan-cawangan MIC."<sup>52</sup>*

---

<sup>52</sup> Laporan Tahunan Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-26, 1976, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 18.

Jumlah penuntut di pusat-pusat Pengajian Tinggi adalah rendah.<sup>53</sup>

Ini adalah kerana sejak awal lagi MIC hanya meminta kuota 10 peratus untuk masyarakat India di Institut-Institut Pengajian Tinggi dan kolej-kolej tempatan. Pada ketika ini, boleh dikatakan bahawa MIC tidak berpandangan jauh dalam hal ini. Kesilapan dalam permintaan kuota ini menyebabkan ramai pelajar India tidak berpeluang memasuki institut-institut pengajian tinggi di Malaysia kerana menghadapi masalah kewangan dan kuota yang telah dipenuhi.

Sementara itu, masalah kekurangan guru terlatih turut berlanjutan. MIC tidak berupaya membendung masalah ini. MIC pernah mendapatkan Kursus Dalam Cuti (KDC) untuk guru-guru sementara<sup>54</sup> apabila media massa menghangatkan isu ini. Pada kebiasaannya, MIC akan membiarkan hal-hal sebegini diurus oleh kesatuan-kesatuan perguruan. Ini adalah kerana ia tidak melibatkan kepentingan politik. Kesannya, MIC gagal menjalankan tanggungjawabnya terhadap masyarakat India dan sekolah-sekolah Tamil.

Kerajaan memberikan dua bentuk bantuan kepada sekolah-sekolah Tamil. Pertamanya, bantuan penuh dan keduanya bantuan modal. Walaupun MIC pernah bersuara agar semua sekolah Tamil diberi bantuan penuh, namun pihak Kerajaan menolak permintaan MIC atas alasan sekolah-sekolah tersebut terletak di tanah persendirian.

---

<sup>53</sup> "The New Economic Policy and Malaysian Indians : Rantindak MIC", Petaling Jaya : PKS Sdn Bhd, 11-12 Mei, 1974, hlm 32.

<sup>54</sup> Temubual dengan YB Senator Datuk Dr T. Marimuthu pada 4 Jun 1997. Beliau memberitahu bahawa atas daya usaha MIC, maka guru-guru sandaran yang telah berkhidmat di sekolah-sekolah Tamil telah mendapat kursus KDC ini; Perhimpunan Agung MIC Kali Ke-43, *op.cit.*, hlm 39.

Pada tahun 1974, MIC telah menubuhkan Rantindak MIC dan telah meminta Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik bagi sekolah-sekolah Tamil. Selepas itu, Rantindak MIC telah lemah semangat dan berkubur. Mengikut Krishnan,

*Tujuan MIC meminta lebih banyak perhatian daripada Kerajaan adalah agar masyarakat India dapat menyaingi kaum-kaum lain dalam jangka masa 20 tahun akan datang.*<sup>55</sup>

Pendapat di atas tadi ada kebenarannya. Tanpa kekuatan parti politik MIC, Kerajaan tidak akan memenuhi segala permintaan MIC.

Mulai tahun 1978, MIC telah memulakan kelas bimbingan undang-undang dan Institute of Chartered Secretaries and Administration. Badan ini juga mengesyorkan agar *10 peratus tempat di universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan dikhaskan untuk masyarakat India.*<sup>56</sup> Badan Rantindak 1974 ini juga pernah menuara kelemahan dan kecacatan dalam pentadbiran dan pengelolahan sekolah-sekolah Tamil. Badan ini juga telah meminta agar Kerajaan Persekutuan menghulur bantuan kepada para kepakaran bagi mengatasi masalah ini yang kian kronik di sekolah-sekolah Tamil.

Oleh kerana tiada sebarang tindakan susulan yang diambil oleh MIC, maka kerajaan tidak memandang serius akan usul Badan Rantindak 1974

---

<sup>55</sup> Krishnan, L., "MIC Di Bawah Pimpinan Tan Sri Manickavasagam : Satu Analisa Mengenai Dasar dan Pencapaian", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 17.

<sup>56</sup> Dasar Ekonomi Baru dan Malaysian Indian : Rantindak MIC, Kuala Lumpur, 1974, hlm 31.

ini. Ini termasuklah masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah Tamil. Ini sekaligus menunjukkan kelemahan Badan Rantindak 1974 yang gagal mengatasi masalah pendidikan di kalangan masyarakat India.

Pada tahun 1978, MIC telah membeli Institut Teknologi Negeri (ITN).<sup>57</sup> Tujuannya adalah untuk melahirkan masyarakat India yang mahir dalam bidang teknikal. Institut ini menawarkan kursus-kursus teknikal dan kejuruteraan. Institut ini juga menjalankan peperiksaan dalaman (Internal) dan luaran (External). Malangnya, ITN tidak banyak melahirkan golongan tenaga mahir kerana kursus yang ditawarkan adalah kurang menarik dan tidak bersesuaian dengan perkembangan negara.

Apabila Samy Vellu menerajui MIC,<sup>58</sup> maka MIC telah membuat perjanjian dengan Universiti Curtin di Australia Barat untuk menarik lebih banyak pelajar belajar di ITN. Ini menyebabkan ITN menawarkan kursus berkembar (Twinning Program) untuk pelajar-pelajarnya. Akibatnya, berlaku peningkatan pelajar di ITN kerana *mereka yang lulus dengan cemerlang dapat melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah di Western Australian Institute of Technology dan Swinburne Institute of Technology.*<sup>59</sup>

---

<sup>57</sup> Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-38, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1989/90, hlm 22.

<sup>58</sup> Samy Vellu meneraju MIC sebagai Presiden pada 26 Mac 1981.

<sup>59</sup> Gunaseelan, P., *Samy Vellu in Nayagan's View*, Kalai Ranjani Arts, Kuala Lumpur, 1994, hlm 9.

Tahap kedua ini boleh dianggap sebagai titik permulaan bagi MIC untuk bertindak lebih matang dalam usaha meningkatkan kemahiran teknologi dan peluang pendidikan bagi masyarakat India. Sejak dari inilah, MIC telah mula memberi perhatian yang lebih serius dalam bidang pendidikan yang dianggap boleh meningkatkan mobiliti sosial di kalangan masyarakat India secara amnya.<sup>60</sup>

Sementara itu, MIC mengambil masa bertahun lamanya untuk mengembalikan status sekolah Tamil yang ditukar menjadi sekolah kebangsaan. Contohnya, SJK(T) YMHA di Perak mengambil masa 17 tahun (sejak 1973) untuk mengembalikan status SJK(T) walaupun MIC campur tangan untuk mengatasi masalah ini.<sup>61</sup>

Ini adalah kerana telah wujud kesedaran terhadap kepentingan menguasai bidang pendidikan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India. Selain itu, perkembangan politik juga telah memaksa MIC memberi tumpuan terhadap aspek pendidikan untuk melahirkan lebih ramai golongan elit. Sementara itu, kuota yang diperuntukkan untuk ke universiti-universiti tempatan tidak dapat dipenuhi sepenuhnya. Ini adalah kerana pelajar-pelajar India tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan. Lagipun, MIC memegang konsep bahasa menunjukkan bangsa. Jika tidak MIC takut masyarakat India akan melupakan bahasa Tamil satu masa nanti.<sup>62</sup>

---

<sup>60</sup> Muniretnam Muniandy, "Senario Politik MIC Dato' Seri S. Samy Vellu", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/95, hlm 114.

<sup>61</sup> Morgan Raj David, "Kedudukan Ekonomi-Politik Masyarakat India Di Malaysia", Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1992, hlm 340.

<sup>62</sup> Subramani, S., *op.cit.*, 11.

#### 4.2.3 Tahap Ketiga (1979 – 1996)

Kegagalan MIC menyedarkan masyarakat India akan kepentingan pendidikan pada tahap kedua juga menyebabkan kurang berlaku mobiliti sosial. Sementara itu, keciciran turut berlaku di sekolah-sekolah Tamil.

Pada tahap ini, MIC mula memberi tumpuan dan perhatian yang serius terhadap perkembangan bahasa Tamil. Ini dapat dilihat apabila Bahasa Tamil dan Bahasa Cina menghadapi masalah di Universiti, MIC bersama MCA dengan lantang menyuarakan rasa tidak puashati terhadap tindakan pihak Universiti Malaya.

*"Buat pertama kali, MIC menentang secara terbuka keputusan Senat Universiti Malaya untuk menggugurkan subjek-subjek elektif dalam bahasa vernakular."<sup>63</sup>*

MIC telah bergabung dengan MCA dan Gerakan untuk menengahkan isu ini ke mahkamah.<sup>64</sup> Ini menyebabkan pemimpin pemuda MIC dikritik hebat oleh Biro Pendidikan UMNO. Akibatnya, MIC terpaksa menarik diri.

MIC menganggap diri mereka sebagai penaung bahasa dan kebudayaan. Oleh sebab itulah MIC menyuarakan rasa tidak puashati terhadap tindakan pihak Universiti Malaya. Lagipun, pada masa ini majoriti ahli-ahli MIC adalah masyarakat Tamil yang pentingkan bahasa Tamil.<sup>65</sup> Jadi, MIC cuba

---

<sup>63</sup> Berita Tamil, 6 Oktober, 1986.

<sup>64</sup> Sin Chew Jit Poh, 24 Ogos, 1987.

<sup>65</sup> Rujuk Bab Kedua era zaman Tun Sambanthan. Pada masa ini proses Tamilialisasi telah bermula.

mengetengahkan isu ini kepada masyarakat India. Tindakan ini telah menyebabkan MIC meraih sokongan masyarakat India dan dianggap sebagai penaung bahasa dan kebudayaan.

Dalam pada itu, MIC menyuarakan keadaan 34 buah sekolah yang perlu diubahsuai dengan kos RM3.5 juta. Malangnya, Jabatan Perdana Menteri selepas berbincang dengan MIC hanya meluluskan RM999,000 untuk 9 buah sekolah.<sup>66</sup> Peruntukan ini hanya untuk mengubahsuai sekolah-sekolah yang berada dalam keadaan fizikal yang kritikal sahaja. Satu persoalan yang perlu kita fikirkan di sini ialah MIC tidak sedar jumlah wang yang diperlukan oleh sekolah-sekolah Tamil. Jika tidak, sudah tentu masalah yang melibatkan kewangan telah dapat dikurangkan ke tahap minima.

Pada awal tahap ketiga ini juga MIC telah menukuhan MIED untuk membantu pelajar-pelajar India yang belajar di pusat-pusat pengajian tinggi dalam dan luar negeri. Pada tahun 1986, MIC melancarkan Projek Tiket Loteri<sup>67</sup> bagi mengisi Dana MIED. Hasil keuntungan akan dimasukkan ke bank. “Faedah yang diperolehi akan diguna sebagai pinjaman MIED.”<sup>68</sup>

---

<sup>66</sup> Kajian Luar Pengkaji di Negeri Johor pada 23.12.1997.

<sup>67</sup> Perhimpunan Agung MIC Kali Ke-37, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1988/89.

<sup>68</sup> Utusan Malaysia, 2 Mac 1987.

Hutang yang belum dijelaskan oleh pemimpin-pemimpin MIC

- (a) Datuk Mahalingam (RM 454,759)
- (b) Datuk Kumaran (RM 602,903)
- (c) Datuk Subbiah (RM 113,006)
- (d) Datuk Pathmanaban (RM 21,986)
- (e) Datuk Muthupalaniappan (RM 158,745)
- (f) Datuk Pasa Manickam (RM 347,727)
- (g) Datuk S.Subramaniam (RM 151,659)

Langkah ini merupakan satu permulaan positif oleh MIC bagi membantu masyarakat India. Tetapi, masih terdapat kelemahan dalam menguruskan dana MIED ini. Ini dapat dilihat apabila MIC mengumumkan jumlah wang yang dikumpul hasil jualan MIED adalah RM8.7 juta sahaja walaupun jumlah pulangan sebenarnya tidak diumumkan.<sup>69</sup> Ini adalah kerana, 800 cawangan dan beberapa pemimpin utama MIC masih berhutang sebanyak RM4.0 juta. Pemimpin-pemimpin MIC ini belum menjelaskan hutang mereka. Adakah mereka sudah menjelaskan hutang mereka ataupun belum tidak diketahui kerana MIC tidak mengisyiharkannya.

*MIED juga menyediakan peluang mempelajari pendidikan teknikal dan akademik untuk golongan India.*<sup>70</sup> Ini dibuktikan apabila MIC menuahkan Kolej TAFE untuk melahirkan masyarakat India yang berkemahiran. Pada peringkat pertama, MIC mengambil alih Institut Teknologi Negeri (ITN) pada tahun 1978. ITN telah mengubah corak kursus apabila Samy Vellu mengambil alih pucuk pimpinan MIC mulai tahun 1979. (Lihat Jadual 4.7).

---

<sup>69</sup> Vetrikumaran, P. *Menuju Kemajuan*, Tamil Nesan Publisher, Kuala Lumpur, 1996, hlm 41.

<sup>70</sup> Perhimpunan Agung MIC Kali Ke-35, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1985/86, hlm 15.

**JADUAL 4.7**  
**KEMASUKAN PENUNTUT KE KOLEJ TAFE**

| TAHUN | JUMLAH PENUNTUT |
|-------|-----------------|
| 1978  | 260             |
| 1979  | 344             |
| 1980  | 538             |
| 1981  | 654             |
| 1982  | 722             |
| 1983  | 1,105           |
| 1984  | 1,220           |
| 1985  | 1,365           |
| 1986  | 600             |
| 1987  | 597             |
| 1988  | 1,049           |
| 1989  | 1,171           |
| 1990  | 899             |
| 1991  | 1,750           |
| 1994  | 2,298           |
| 1995  | 3,010           |
| 1996  | 3,200           |

**Sumber:** Laporan Tahunan MIC (1978 – 1995)

Mengikut statistik yang diberi oleh MIC, boleh dikatakan bahawa kemasukan pelajar-pelajar ke Kolej TAFE hanya mula mendapat sambutan mulai tahun 1991. Ini adalah kerana lebih ramai pelajar India mula diseru untuk memasuki kolej tersebut.<sup>71</sup> Antara tahun 1986 – 1990, kemasukan pelajar-pelajar ke Kolej TAFE ini adalah tidak menentu. Ini adalah kerana pada tahun 1989, jumlah kemasukan pelajar adalah 1,171 orang berbanding dengan 597 pelajar pada tahun 1987. (Lihat Jadual 4.7)

---

<sup>71</sup> Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-43, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 3 - 4 Ogos, 1996, hlm 31-32; 42.

**JADUAL 4.8****BANTUAN PINJAMAN DAN BIASISWA  
(MIED)**

| Tahun     | Luar Negeri  | Bil. Pelajar | Tempatan     | Bil. Pelajar |
|-----------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| 1985/86   | 244,746.13   | 64           | 98,882.45    | 15           |
| 1986/87   | 479,428.30   | 103          | 168,065.05   | 80           |
| 1987/88   | 607,668.35   | 135          | 188,997.35   | 112          |
| 1988/89   | 152,647.27   | 49           | 181,693.90   | 184          |
| 1989/1990 | N/A          | -            | N/A          | -            |
| 1990/91   | N/A          | -            | 183,764.00   | 246          |
| 1991/92   | 1,505,754.10 | 211          | 1,590,211.29 | 1,055        |

**Sumber:** Laporan Tahunan MIC 1985/86 – 1991/92, hlm 66-69; hlm 36; hlm 14, hlm 12; hlm 34; hlm 16.

Mengikut statistik bantuan pinjaman dan biasiswa MIC (MIED), jumlah pinjaman yang diberikan mengalami peningkatan dari tahun 1985/86 ke tahun 1991/92. Peningkatan pinjaman untuk pelajar-pelajar yang ke luar negeri meningkat sebanyak 6 kali ganda pada tahun 1991/92 begitu juga dengan bilangan pelajar yang telah meningkat 3 kali ganda.

Pada tahun 1980, MIC telah membeli Akademi Vanto. Pada awalnya, akademi ini menawarkan kursus-kursus profesional seperti guaman dan pendidikan sekular. Tujuannya adalah untuk membantu pelajar-pelajar India yang gagal mendapat tempat di kolej-kolej swasta dan pusat-pusat pengajian tinggi tempatan.

Kini, akademi ini diubah menjadi Cawangan Kolej TAFE Petaling Jaya. Oleh itu, kolej ini hanya menyediakan kursus guaman sahaja. Tetapi kursus guaman ini juga telah ditutup mulai tahun 1997. Pengurusan yang lemah menyebabkan cawangan TAFE ini menanggung risiko kerugian RM1.25 juta.<sup>72</sup> Hal yang sama berlaku pada kedai buku Anthonian yang terletak di bawah naungan MIC. Kesemua kedai ini telah ditutup kerana mengalami kerugian yang berterusan.

Peruntukan yang disediakan untuk sekolah-sekolah Tamil juga tidak mencukupi. Contohnya, bagi tahun 1996, Kerajaan telah memperuntukkan RM3 juta sahaja untuk sekolah-sekolah Tamil daripada jumlah RM250 juta.<sup>73</sup> MIC dengan hati terbuka menerima peruntukan tersebut. Selepas empat bulan, Ketua Pemuda MIC meluahkan rasa tidak puashati terhadap peruntukan yang disediakan apabila Presiden MIC dikritik oleh Pemuda UMNO.<sup>74</sup> Nampaknya Biro Pendidikan MIC tidak mengambil berat. Jumlah ini tidak cukup untuk

---

<sup>72</sup> New Straits Tiems, 24 September 1989.


<sup>73</sup> Malaysia Nanban, 12 November 1996.

<sup>74</sup> Malaysia Nanban, 18 Januari, 1997.

penyelesaian masalah sekolah-sekolah yang berpanjangan bertahun-tahun lamanya. Dalam hal ini, mereka tidak bersuara walaupun mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil. Lagipun masalah kekurangan guru terlatih di sekolah Tamil tidak dapat diatasi oleh MIC. Ini adalah kerana penglibatan MIC yang tidak serius untuk mengatasi masalah ini. Walaupun terdapat Biro Pendidikan, namun masalah ini terus ketara di sekolah-sekolah Tamil.

#### RAJAH 4.1

#### BIRO PENDIDIKAN MIC



**Sumber:** Perhimpunan Agung MIC yang Ke-43, MIC Pusat,  
Kuala Lumpur, 3-4 Ogos, 1996, hlm 29.

Peranan yang dimainkan oleh Biro Pendidikan MIC.<sup>75</sup>

- (i) Mengumpul senarai nama penuntut yang layak tetapi tidak berjaya mendapat tempat di Universiti. Kemudian menyerahkan satu memorandum kepada Kementerian Pendidikan, pihak Universiti yang terlibat agar permohonan pelajar-pelajar ini dipertimbangkan semula.
- (ii) Menganjurkan seminar kolokium kebangsaan untuk Guru-Guru Besar SJK(T) di seluruh negara.
- (iii) Menganjurkan seminar kepimpinan untuk pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM.
- (iv) Berbincang dengan pihak Universiti di luar negara berhubung dengan kenaikan kadar yuran tahunan.  
(Universiti West Indies)
- (v) Meluluskan pinjaman MIED untuk pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi dalam dan luar negeri.
- (vi) Mendapatkan balik pinjaman MIED daripada mereka yang telah meminjamnya.

---

<sup>75</sup> Perhimpunan Agung MIC Kali Ke-43, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 3-4 Ogos, 1996, hlm 29-35. Perhimpunan Agung MIC Kali Ke-51, *op.cit.*, 2-3 Ogos, 1997, hlm 17-23; 31-32; Perhimpunan Agung MIC Kali Ke-52, *op.cit.*, 8 Ogos, 1998, hlm 11-15.

(vii) Memindah pelajar-pelajar India yang belajar di universiti-universiti di Indonesia yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia ke universiti-universiti yang diiktiraf.

(viii) Mengawas perjalanan dan perkembangan kolej TAFE Seremban.

(ix) Mentadbir.

Sebenarnya, sumbangan MIC dalam pembinaan bangunan tambahan sekolah-sekolah Tamil dan mendapatkan bantuan kewangan untuk sekolah-sekolah Tamil. Ada sekolah yang mendapat bantuan Kerajaan Pusat sebanyak RM5 ribu. MIC memastikan wang yang disyorkan ke sekolah-sekolah Tamil ini digunakan sebaik mungkin.

Sepatutnya MIC harus mendapatkan bantuan dalam bentuk peralatan ataupun barang untuk sekolah-sekolah Tamil berbanding dengan wang. Sementara itu, sumbangan terbesar MIC ialah menterjemah semua sukatan pelajaran ke Bahasa Tamil. Ini merupakan salah satu tindakan MIC yang paling bijak bagi mengekalkan bahasa Tamil di Malaysia.

MIC bergiat cergas dalam pentadbiran dan pengajaran di sekolah-sekolah Tamil selepas mendapat kritikan hebat daripada masyarakat India kerana keputusan peperiksaan UPSR tidaklah memberangsangkan.<sup>76</sup> Jadi, MIC dengan serta merta menyediakan nota dan kelas bimbingan khas untuk pelajar-pelajar sekolah Tamil yang akan menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 1994. Kertas bimbingan yang disediakan tidak menepati sasaran pula. Keputusan UPSR yang tidak memberangsangkan menyebabkan MIC bertekad tidak mahu campur tangan dalam urusan pengajaran dan pembelajaran sekolah Tamil. (Lihat Jadual 4.9, 4.10 dan 4.11)

#### **JADUAL 4.9**

#### **KEPUTUSAN MATEMATIK UPSR (A+B+C)% 1992 - 1996**

| <b>Sekolah</b> | <b>Tahun</b> | <b>SK/SRK</b> | <b>SJK(C)</b> | <b>SJK(T)</b> |
|----------------|--------------|---------------|---------------|---------------|
|                | 1992         | N/A           | N/A           | 56.1          |
|                | 1993         | 63.1          | 87.6          | 55.7          |
|                | 1994         | 64.1          | 86.2          | 56.1          |
|                | 1995         | 67.9          | 87.6          | 59.0          |
|                | 1996         | N/A           | N/A           | 65.2          |

**Sumber:** Kolokium Kebangsaan Kedua Untuk Guru-Guru Besar Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil), Universiti Malaya, 5-7 April 1996.  
Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia., 1997.

<sup>76</sup> Pemimin-pemimpin MIC dan ahli-ahli MIC yang ditemubual memberitahu bahawa mereka mengkritik MIC Pusat kerana tidak memberi perhatian serius terhadap keputusan peperiksaan UPSR yang tidak memberangsangkan. Kajian luar Pengkaji di negeri Kedah, 8-10.12.97; Negeri Sembilan, 22-24.12.97; Melaka, 26-29.12.97; Johor, 31.12.97 – 3.1.98..

Mengikut statistik yang diberi dalam Kolokium Kebangsaan Kedua untuk Guru-Guru Besar Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil pada tahun 1996, keputusan Matematik dalam peperiksaan UPSR berada dalam lingkungan 55%. Manakala, keputusan Bahasa Inggeris pula berada dalam lingkungan 60% juga.

Walau bagaimanapun terdapat sedikit perbezaan dalam statistik yang diberi oleh MIC dalam Kolokium Kebangsaan Kedua dengan Lembaga Peperiksaan Malaysia.

#### JADUAL 4.10

##### KEPUTUSAN MATEMATIK UPSR SJK(T)

| TAHUN | KOLOKIUM<br>KEBANGSAAN<br>KEDUA | LEMBAGA<br>PEPERIKSAAN<br>MALAYSIA |
|-------|---------------------------------|------------------------------------|
| 1993  | 55.7                            | 55.8                               |
| 1994  | 56.1                            | 58.1                               |
| 1995  | 59.0                            | 59.0                               |

Ini menunjukkan Kolokium Kebangsaan Kedua yang dianjurkan oleh MIC memberikan keputusan yang kurang tepat daripada apa yang sepatutnya. Adakah kesilapan ini disengajakan ataupun tidak masih menjadi tanda tanya kerana tiada pihak yang memperbetulkannya.

#### JADUAL 4.11

#### KEPUTUSAN BAHASA INGGERIS UPSR (A+B+C) % 1993 - 1995

| Tahun<br>Sekolah | 1992 | 1993 | 1994 | 1995 | 1996 |
|------------------|------|------|------|------|------|
| SJK(T)           | 56.4 | 55.5 | 54.8 | 46.0 | 51.8 |
| SJK(C)           | N/A  | 69.2 | 64.5 | 61.0 | N/A  |

**Sumber:** Kolokium Kebangsaan Kedua Untuk Guru-Guru Besar SRJK(T), Universiti Malaya, 5-7 April 1996, hlm 7.  
Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia 1997

Masalah kekurangan guru terlatih di sekolah Tamil tidak dapat diatasi oleh MIC. Ini adalah kerana penglibatan MIC yang tidak serius untuk mengatasi masalah ini. Walaupun terdapat Biro Pendidikan, namun masalah ini terus ketara di sekolah-sekolah Tamil.

Dalam pada itu MIC mula membidas guru-guru sekolah Tamil atas kemerosotan keputusan peperiksaan UPSR.

Ini menyebabkan,

*“The National Union of The Teaching Profession (NUTP) Yesterday warned MIC politicians and their wives to stop blaming Tamil teachers for the poor performance of pupils.”<sup>77</sup>*

---

<sup>77</sup> The Star, Oktober, 1993, hlm 10.

NUTP terpaksa memberi amaran agar masyarakat lain tidak menganggap guru-guru sekolah Tamil tidak berkebolehan melahirkan pelajar-pelajar cemerlang dalam peperiksaan. Sepatutnya, MIC harus membuat promosi agar anak-anak golongan berada dan pertengahan dihantar ke sekolah Tamil untuk meningkatkan prestasi peperiksaan UPSR.

MIC tidak mengendahkan kata-kata NUTP. Bagi MIC, bahasa Tamil harus dipelihara dan dipraktik untuk mendapatkan mandat daripada masyarakat India. Mengikut Samy Vellu, "*We love the Tamil language because it has cultural, religious, and sentimental values to us.*"<sup>78</sup>

Ini adalah penting untuk menilai komen yang diutara oleh Pengerusi Biro Pendidikan MIC, YB Senator Datuk Dr T. Marimuthu. Mengikut beliau:

*"Golongan pertengahan dan golongan berada hanya akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil sekiranya sekolah-sekolah tersebut boleh menjanjikan keputusan 6A dalam peperiksaan UPSR."*<sup>79</sup>

Komen yang diutarakan itu bagus dan harus difikirkan oleh seluruh masyarakat India. Sekolah-sekolah Tamil tidak dapat menunaikan permintaan ini sekiranya keadaan fizikal sekolah Tamil tidak memuaskan. Kehadiran kanak-

---

<sup>78</sup> Laporan Tahunan MIC 1985/1986, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1986, hlm 17.

<sup>79</sup> Temubual dengan YB Senator Datuk T. Marimuthu pada 4 Jun 1997. Beliau merupakan Pengerusi kepada Biro Pendidikan MIC. Beliau berbincang dengan Menteri Pendidikan untuk mendapatkan peluang pembelajaran bagi pelajar-pelajar yang gagal mendapat tempat di universiti-universiti tempatan. Usaha ini dilakukan terhadap pelajar-pelajar yang merujuk kepadanya ataupun kepada Biro Pendidikan MIC sahaja. Namun begitu, tidak semua pelajar yang memohon berjaya.

kanak dari golongan bawahan tidak dapat melahirkan keputusan cemerlang. Apa yang menghairankan ialah orang seperti ini yang mewakili MIC membuat promosi agar masyarakat India menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil, padahal anak-anak mereka belajar di sekolah kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan ataupun di luar negara.

Pada kebiasaannya, ahli politik MIC yang memberi komen bukannya lahir dari sekolah Tamil. Jadi, bagaimana mereka ini dapat menghayati masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru dan sekolah-sekolah Tamil. Mengikut Marimuthu lagi:

*“Sekolah-sekolah Tamil biasanya disifatkan sebagai institusi vernakular yang tidak menggalakkan berlakunya mobiliti sosio-ekonomi di kalangan masyarakat India.”<sup>80</sup>*

Tetapi, pendapat seperti ini tidak dapat diterima pada masa sekarang kerana pelajar-pelajar yang belajar di sekolah-sekolah Tamil berjaya meningkatkan kedudukan ekonomi mereka berbanding ibu bapa mereka. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah Tamil masih melahirkan situasi yang boleh menyebabkan tidak berlakunya mobiliti sosial.

Mengikut Samy Velu pula:

*“He said 75 per cent of them were currently employed as low paid labourers simply because they lacked the necessary skills but seeking more*

---

<sup>80</sup> Marimuthu, T., “Education Social Mobility and Plantation Environment : A Proposal for Inquiry”, Jurnal Pendidikan, Vol. 12, Kuala Lumpur, 1971, hlm 81-83.

*knowledge and receiving the necessary vocational trainings.*<sup>81</sup>

Kata-kata ini mengukuhkan bahawa masyarakat India masih menerima gaji yang rendah kerana kekurangan skil. Kebanyakan daripada mereka boleh dikatakan dari sekolah-sekolah Tamil. MIC juga menghulur buku-buku secara percuma dengan tujuan meningkatkan prestasi akademik sekolah-sekolah Tamil. Tetapi, bantuan buku sekali-sekala ini tidak akan mengubah nasih sekolah-sekolah Tamil yang serba kekurangan dan prestasi akademik yang rendah.

MIC cuba membuat reformasi terhadap sekolah-sekolah Tamil.<sup>82</sup> Kali ini, MIC cuba mendirikan sekolah-sekolah Tamil yang besar agar lebih ramai kanak-kanak dapat belajar. Sekolah-sekolah Tamil yang kecil digabung menjadi sebuah sekolah yang besar. Sekolah-sekolah yang besar dilengkapi dengan peralatan agar pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Salah sebuah sekolah yang didirikan dengan perhatian MIC ialah SJK(T) Batu Caves, Kuala Lumpur.

MIC juga berusaha mendapat komputer-komputer terpakai untuk disalurkan kepada sekolah-sekolah Tamil. Tetapi setakat ini *hanya sebuah sekolah Tamil dari Bagan Serai sahaja yang memohon komputer projek tajaan*

---

<sup>81</sup> New Straits Times, 1 Januari 1993, hlm 10.

<sup>82</sup> Temubual dengan YB Senator Datuk Dr T. Marimuthu pada 4 Jun 1997.

*MIC.*<sup>83</sup> Apabila MIC ingin membantu, sekolah-sekolah Tamil mendiamkan diri. MIC berpendapat sikap ini harus diubah kerana tanpa bantuan MIC, sekolah-sekolah Tamil akan menghadapi masa depan yang agak gelap dan sebaliknya. Pentadbir sekolah Tamil pula berpendapat komputer-komputer terpakai ini akan menambahkan perbelanjaan daripada membawa kebaikan.

Samy Vellu telah memberitahu bahawa MIC akan membina sebuah sekolah menengah untuk melahirkan pelajar India yang cemerlang. Sekolah ini akan mempunyai asrama yang akan menempatkan semua pelajar yang belajar di sekolah tersebut.

#### 4.3 Kesimpulan

MIC pada peringkat penubuhan tidak banyak memainkan peranan terhadap pendidikan, manakala masyarakat India lebih mengutamakan pendidikan Tamil agar bahasa dan kebudayaan India dapat terus dikekalkan. Pendapatan yang rendah serta perbelanjaan yang tinggi memaksa ibu bapa menghentikan anak-anak mereka dari terus bersekolah dan menjadi buruh di ladang. MIC tidak mengambil sebarang langkah serius untuk mengatasi ataupun mengawal kadar kecinciran di kalangan masyarakat India.

Selepas tahun 1980, parti MIC rasa sudah tiba masanya MIC berkhidmat untuk masyarakat India bagi mendapatkan sokongan padu.

---

<sup>83</sup> Tamil Nesan, 4 Ogos 1997, hlm 6.

Antara peranan yang telah dimainkan oleh MIC dalam bidang pendidikan:

- (i) Menubuhkan Tabung Biasiswa Tan Sri Manickavasagam.
- (ii) Mendapatkan peruntukan dari Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. (Membina dan membaikpulih fizikal sekolah Tamil).
- (iii) Memulakan kelas bimbingan (tetapi gagal).
- (iv) Mewujudkan Biro Pendidikan MIC.
- (v) Menubuhkan MIED.
- (vi) Menubuhkan Kolej TAFE.
- (vii) Membeli Akademi Vanto (kini telah disewakan).
- (viii) Menterjemah Rancangan Pelajaran dan sukanan pelajaran untuk sekolah-sekolah Tamil.
- (ix) Mendapatkan kursus untuk guru-guru sandaran. (KDC dan kursus sepenuh masa di maktab-maktab perguruan)
- (x) Program Edurec (Program Pemulihan Pendidikan Di Perak)
- (xi) Koperasi Didik
- (xii) Mendapatkan pinjaman pendidikan daripada Dana Pendidikan Negeri.
- (xiii) Mendapatkan tempat dalam jurusan Perubatan di University of West Indies, di Indonesia dan Rusia.

Walau bagaimanapun, tidak semua rancangan ini berjaya. Contohnya, kelas bimbingan undang-undang yang dimulakan telah gagal sama sekali. Manakala, Akademi Vanto yang dibeli untuk dijadikan cawangan Kolej TAFE Petaling Jaya telah disewa tanpa memberi sebarang alasan yang munasabah kepada masyarakat India.

Segala rancangan yang diusahakan oleh MIC untuk meningkatkan mobiliti sosial di kalangan masyarakat India melalui aspek pendidikan diteruskan. Contohnya, kesungguhan MIC untuk melahirkan sekolah Bestari yang pertama akan berjaya selepas SJK(T) Batu Caves<sup>84</sup> yang sedang dalam proses pembinaan siap dalam masa 4 bulan lagi. Kesungguhan MIC dalam membaikpulih sekolah-sekolah Tamil adalah untuk menyediakan situasi pembelajaran yang berkesan untuk kanak-kanak India. Diharap, keputusan peperiksaan UPSR akan bertambah lebih baik lagi.

Jadi, terbuktilah bahawa MIC mementingkan bahasa Tamil hanya untuk kepentingan partinya. Sebenarnya, MIC harus merancang beberapa strategi sebelum mendapatkan bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat dan Negeri. Contohnya, MIC pernah mendapatkan bantuan kewangan sebanyak RM20 ribu untuk SJK(T) Appar, Kuala Lumpur. Tetapi, sekolah ini akan berpindah tidak lama lagi. Sepatutnya, sumbangan tersebut bolehlah digunakan untuk sekolah lain yang benar-benar memerlukannya.

---

<sup>84</sup> Perhimpunan Agung MIC yang ke-51, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 2-3 Ogos, 1997, hlm 17.

Walau bagaimanapun, MIC tidak merancang penglibatan mereka dalam bidang pendidikan walaupun terdapat Biro Pendidikan MIC. Akibatnya, MIC beralih perhatian dengan hanya memberi bantuan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang telahpun berjaya menjakkan kaki di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan, luar negeri dan di kolej-kolej swasta.

Tujuan MIC berbuat begini agar pelajar-pelajar ini akan menjadi ahli parti MIC dan berkhidmat untuknya. MIC memang cekap menarik pandangan golongan terpelajar untuk menganggotai parti MIC. Tindakan MIC menghulur bantuan MIED kepada pelajar-pelajar di pusat Pengajian Tinggi luar negara boleh dianggap satu kerugian kerana wang tersebut boleh digunakan bagi membantu lebih ramai pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan.

Dalam pada itu, ada beberapa MIC negeri menyediakan program pendidikan tahunan,<sup>85</sup> namun begitu mereka tidak berjaya melaksanakan sepenuhnya. Ini adalah kerana MIC pusat telah mempunyai rancangan khas dan meminta semua MIC negeri memberi sokongan penuh bagi menjayakannya. Kegagalan MIC pusat untuk memastikan semua MIC negeri mempunyai program pendidikan tahunan menunjukkan ketidakseriusan MIC pusat dalam usaha menggerakkan ahli-ahli MIC memberi perhatian khas terhadap aspek pendidikan.

---

<sup>85</sup> MIC Negeri Sembilan telah menyediakan satu takwim tahunan bagi bidang pendidikan. Kajian luar Pengkaji di Negeri Sembilan pada 22.12.97.

MIC pusat hanya memastikan Koperasi Didik yang dilancarkan<sup>86</sup> mendapat sokongan padu daripada semua ahli MIC dengan memastikan setiap cawangan membuat pelaburan dalam Koperasi Didik ini. Ini adalah agar masyarakat India tidak akan menghadapi masalah kewangan dan mengharapkan MIC apabila anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi tempatan. MIC juga akan menubuhkan sebuah universiti yang dikenali Universiti Maju di Sungai Petani, Kedah. Anak-anak pemegang saham Koperasi Didik yang melanjutkan pelajaran ke universiti ini nanti boleh mendapat pinjaman daripada Koperasi Didik ini. Ini akan mengurangkan beban kewangan pelabur Koperasi nanti.

Walaupun MIC tidak berjaya sepenuhnya memainkan peranan dalam bidang pendidikan, namun perjuangan dan sumbangan selama ini menjadi perintis kepada masyarakat India untuk menimba ilmu pengetahuan.<sup>87</sup> Untuk memastikan MIC melahirkan masyarakat India berintelek, semua pihak harus bekerjasama untuk mencapai hasrat murni ini.

---

<sup>86</sup> Koperasi Didik secara rasmi telah didaftarkan pada 5.2.1998. Tujuannya untuk mewujudkan satu tabung Pinjaman Pendidikan bagi anak-anak pelabur. Untuk maklumat lanjut, rujuk, Laporan Agung MIC Yang ke52, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 8 Ogos, 1998, hlm 7-8.

<sup>87</sup> Thina Murasu, 3 Ogos, 1997, hlm 3.